

PROSES PENCIPTAAN NABI ADAM DALAM *HIKAYAT SURAT AL-ANBIYA*: ANALISIS PERBANDINGAN ANTARA TRADISI KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL & KISAH DALAM AL-QURAN

THE CREATION PROCESS OF PROPHET ADAM IN
HIKAYAT SURAT AL-ANBIYA: A COMPARATIVE
ANALYSIS BETWEEN TRADITIONAL MALAY
LITERARY TRADITION AND THE STORIES IN THE
QUR'AN

*Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi**, *Wan Nasyrudin Wan
Abdullah***, *Abu Hanifah Haris****,
*Khairulnazrin Nasir*****

*Department of Malay Sociocultural. Academy of Malay
Studies. Universiti Malaya. 50603. Kuala Lumpur.
Malaysia.

**Institute of Islamic Civilization. Universiti Kebangsaan
Malaysia. 43600. UKM Bangi. Selangor. Malaysia.

***Department of History. Faculty of Arts and Social
Sciences. Universiti Malaya. 50603. Kuala Lumpur.
Malaysia.

****Universiti Malaya Education Centre. Academy of
Islamic Studies. Universiti Malaya. 16310. Bachok.
Kelantan. Malaysia.

Email:

*zahiruddin zabidi@um.
edu.my

DOI:

[https://doi.org/10.22452/
afkar.vol26no1.14](https://doi.org/10.22452/afkar.vol26no1.14)

Abstract

The Malay Islamic Hikayat is a genre of oral and written literature from the tradition of Traditional Malay Literature. Among the themes of this genre are stories of prophets and messengers that are told as single or group stories. Examples of unique stories in this genre include the *Hikayat Nur Muhammad*,

Article History:

Acceptance
date: 17 Nov
2023
Available
Online: 30
June 2024

Funding: This
research
received no
specific grant
from any
funding agency
in the public,
commercial or
not-for-profit
sectors.

**Competing
interest:** The
author(s) have
declared that
no competing
interest exist.



©The authors (2024). This is an Open Access
article distributed under the terms of the Creative
Commons Attribution (CC BY NC)
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>)
which permits non-commercial reuse, distribution,
and reproduction in any medium, provided the
original work is properly cited.

Hikayat Bulan Berbelah, Hikayat Nabi Bercukur, Hikayat Nabi Mi'raj, Hikayat Nabi Wafat, Hikayat Nabi Yusuf, Hikayat Nabi Sulaiman and others. Among the stories written in this genre that collectively narrate the stories of the prophets and messengers is the story of *Surat al-Anbiya*, which brings together 33 stories of the prophets and messengers in one manuscript. Although these stories are originally fables, in the religious context of the Malay Archipelago, the story of the prophets and messengers in this version of the fable has been accepted as authentic because the difference between the fable version and the *Qasas Qur'ani* version is not recognized. This study will discuss the development of the writing of The Malay Islamic Hikayat in the genre of stories of the Prophets and Messengers, as well as conduct content analysis and comparative analysis of the selected story, specifically the story of the creation process of Prophet Adam. The story of the events of Prophet Adam from the story of *Surat al-Anbiya* will be analyzed and compared with the story from the book *Kisah Shahih Para Nabi (Sahih Qasas al-Anbiya)*, the original work of Ibn Kathir (701-774H) summarized by Salim 'Ied al-Hilali. This comparative analysis aims to identify the similarities and differences between the story of the creation of Prophet Adam in The Malay Islamic Hikayat version and the *Qasas Qur'ani* version. This study found that the stories attributed as revelations from Allah SWT, with the use of the term "*Firman Allah*" (Word of Allah) at the beginning of the story, are mostly non-Quranic verses.

Keywords: The Malay Islamic Hikayat; Traditional Malay Literature; Stories of prophets and messengers; Prophet Adam.

Khulasah

Hikayat Melayu Berunsur Islam adalah satu genre sastra lisan dan tulisan daripada tradisi Kesusasteraan Melayu Tradisional. Antara tema hikayat genre ini

ialah kisah nabi dan rasul yang disampaikan secara kisah tunggal atau kumpulan. Contoh penulisan hikayat yang tunggal seperti *Hikayat Nur Muhammad*, *Hikayat Bulan Berbelah*, *Hikayat Nabi Bercukur*, *Hikayat Nabi Mi'raj*, *Hikayat Nabi Wafat*, *Hikayat Nabi Yusuf*, *Hikayat Nabi Sulaiman* dan lain-lain. Antara tulisan hikayat dalam genre ini yang menghimpunkan kisah nabi dan rasul secara kolektif pula adalah hikayat *Surat al-Anbiya'* yang menghimpunkan 33 kisah nabi dan rasul sekali gus dalam sebuah manuskrip. Meskipun pada asalnya kisah-kisah ini adalah sebuah hikayat, namun dalam konteks keagamaan masyarakat Melayu Nusantara, kisah nabi dan rasul versi hikayat ini diterima sebagai kisah yang sah, ini adalah kerana mereka tidak tahu membezakan kisah versi hikayat dan versi *Qasas Qur'ani* yakni kisah-kisah daripada ayat al-Quran. Kajian ini akan membahaskan tentang perkembangan penulisan Hikayat Melayu Berunsur Islam genre hikayat kisah nabi dan rasul serta melakukan analisis kandungan sekali gus analisis perbandingan terhadap kisah yang terpilih iaitu kisah kejadian Nabi Adam. Kisah kejadian Nabi Adam daripada hikayat *Surat Al-Anbiya'* akan dianalisis dan dibandingkan dengan kisah daripada kitab *Kisah Shahih Para Nabi (Sahih Qasas al-Anbiya')*, karya asal Ibn Kathir (701-774H) yang disarikan oleh Salim 'Ied al-Hilali. Analisis perbandingan ini dibuat untuk melihat persamaan dan perbezaan kisah proses kejadian Nabi Adam versi Sastera Melayu Tradisional dan versi *Qasas Qur'ani*. Kajian ini mendapati kisah-kisah yang dinisbahkan sebagai wahyu daripada Allah SWT dengan penisbahan terma "Firman Allah" pada awal kisah majoritinya adalah bukan bersumberkan ayat al-Qur'an.

Kata kunci: Hikayat Melayu Berunsur Islam; Kesusasteraan Melayu Tradisional; Kisah Nabi dan Rasul; Nabi Adam.

Pengenalan

Tradisi kesusasteraan tradisional di Alam Melayu sudah bermula semenjak era Hindu dan Buddha malah sebelumnya lagi dalam bentuk lisan, pembinaan monumen, prasasti, batu bersurat dan manuskrip tulisan tangan. Bermula dari tradisi lisan yang berbentuk cerita rakyat, lipur-lara, mitos, legenda, epik dan dongeng kemudian berkembang menjadi sastera hikayat yang bertulis atau dikenali sebagai tradisi persuratan.¹

Islam yang kemudian datang ke Alam Melayu, bertapak, berkembang seterusnya menjadi agama arus perdana yang paling dominan dianuti oleh bangsa Melayu mula mempengaruhi tradisi yang disebut sebagai sastera lisan. Hal ini dapat dikesan melalui bentuk dan isi penceritaan dalam kalangan golongan bangsawan mahupun rakyat marhaen, sama ada secara lisan atau tulisan. Daripada orientasi penceritaan berkaitan dewa dewi dan segala kesaktian mereka, penceritaan mula berkisarkan kisah nabi dan rasul terdahulu, Nabi Muhammad, para sahabat Baginda, raja-raja Islam, pahlawan Islam, orang-orang soleh yang juga dikenali sebagai wali Allah dan seumpamanya.²

Era peralihan Hindu-Buddha kepada Islam memperlihatkan ciri-ciri khas perubahan dalam gaya dan bentuk penulisan sastera rakyat dan sastera hikayat antaranya penggunaan aksara Jawi yang semakin meluas sedangkan sebelumnya manuskrip hikayat ditulis dalam aksara Kawi iaitu sistem tulisan Jawa kuno yang kuat pengaruh bahasa dan aksara Sanskrit.³

¹ Zalila Syariaf & Jamilah Haji Ahmad (pylgr.), *Kesusasteraan Melayu Tradisional* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993).

² Ismail Hamid, *The Malay Islamic Hikayat* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983a).

³ Ding Choo Ming & Willem van der Moleh (Ed.), *Traces of the Ramayana and Mahabharata in Javanese and Malay Literature* (Singapore: ISEAS Publishing, 2018).

Selain daripada itu, subjek dan kandungan hikayat juga sudah berubah daripada menceritakan tentang kisah-kisah dewa dewi yang berasaskan ajaran Hindu dan ajaran berkaitan ruh dan hantu daripada kitab Buddha kepada kisah-kisah daripada tradisi Islam seperti kisah-kisah dalam al-Quran dan Hadith khususnya kisah para nabi dan rasul, kisah Nabi Muhammad ﷺ dan para sahabat Baginda, kisah kepahlawanan, peperangan, orang-orang soleh dan seumpamanya.⁴

Sorotan Kajian Kisah Nabi dan Rasul dalam Hikayat Melayu Berunsur Islam

Kajian dalam bidang Sejarah Kesusasteraan Melayu Tradisional-Klasik-Lama oleh R. O. Winstedt,⁵ Teuku Iskandar,⁶ Liaw Yock Fang,⁷ Ismail Hamid,⁸ Mohd. Taib Osman,⁹ Annas Haji Ahmad¹⁰ dan Mana Sikana¹¹ secara jelas menyatakan wujud satu genre khas pasca zaman Hindu-Buddha atau lebih tepat selepas zaman peralihan Hindu-Buddha kepada Islam. Genre tersebut dinyatakan sebagai '*Islamic Literature*' oleh R. O. Winstedt, 'Sastera Agama' oleh Teuku Iskandar, 'Kesusasteraan Zaman Islam' oleh Liaw Yock Fang, 'Sastera Bercorak Islam' oleh

⁴ Ali Ahmad & Siti Hajar Che' Man, *Bunga Rampai Sastera Melayu Warisan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996).

⁵ Winstedt, R. O., *A History of Classical Malay Literature* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969).

⁶ Teuku Iskandar, *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad* (Brunei: Jabatan Kesusasteraan Melayu Universiti Brunei Darussalam, 1995).

⁷ Liaw Yock Fang, *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik* (Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia, 2016), cet. ke-2.

⁸ Ismail Hamid, *Kesusasteraan Melayu Lama dari Warisan Peradaban Islam* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1983b).

⁹ Mohd. Taib Osman, *Kesusasteraan Melayu Lama* (Shah Alam: Federal Publication, 1974).

¹⁰ Annas Haji Ahmad, *Sastera Melayu Lama dan Baru* (Petaling Jaya: Syarikat Cahaya, 1982), cetakan baru edisi pertama 1964.

¹¹ Mana Sikana, *Sastera Melayu Klasik: Warisan Keemasan* (Singapura: Pustaka Nasional, 2003).

Ismail Hamid dan 'Sastera Pengaruh Islam' oleh Annas Haji Ahmad.

Dalam buku berjudul *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, pada Bab 4 Sastera Hikayat tulisan Siti Hawa Salleh, dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu: 1. Sastera Hikayat Berunsur Hindu, 2. Sastera Hikayat Berunsur Hindu-Islam, dan 3. Sastera Hikayat Berunsur Islam. Kemudian dalam buku yang sama pada Bab 8 Cerita Nabi-nabi dan Tokoh-tokoh Islam tulisan Ismail Hamid, berlaku pertindanan dan persamaan dengan perbahasan dalam bab Sastera Hikayat Berunsur Islam.¹²

Dalam *Kesusasteraan Melayu Lama dari Warisan Peradaban Islam*, Ismail Hamid menggunakan terma 'Kesusasteraan Melayu Pengaruh Islam,'¹³ manakala Mustafa Mohd Isa menggunakan terma 'Sastera Melayu Klasik Bercorak Islam' yang sekali gus menjadi tajuk karya tersebut.¹⁴ Mahayudin Haji Yahaya pula menggunakan terma 'Karya Klasik Melayu-Islam' yang juga dijadikan tajuk buku itu¹⁵.

Manakala Ali Ahmad, Siti Hajar Che' Man dan Jelani Harun dalam *Tasawur Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional* menggunakan terma 'Karya Melayu Warisan Islam' dalam Bab 4,¹⁶ akan tetapi pada Bab 9 mereka menggunakan terma 'Warisan Persuratan Islam'.¹⁷ Dua

¹² Zalila Syariaf & Jamilah Haji Ahmad (penyelenggara), *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, 348-392.

¹³ Ismail Hamid, *Kesusasteraan Melayu Lama dari Warisan Peradaban Islam*, 6-23.

¹⁴ Mustafa Mohd Isa, *Sastera Melayu Klasik Bercorak Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, 2000).

¹⁵ Mahayudin Haji Yahaya, *Karya Klasik Melayu-Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000).

¹⁶ Ali Ahmad, Siti Hajar Che Man & Jelani Harun, *Tasawur Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional* (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2005), 52-60.

¹⁷ Ali Ahmad, Siti Hajar Che Man & Jelani Harun, *Tasawur Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*, 100-113.

daripada tiga orang penulis karya di atas, iaitu Ali Ahmad dan Siti Hajar Che' Man dalam karya yang lain menggunakan terma 'Sastera Melayu Warisan Islam' sebagaimana judulnya, *Bunga Rampai Sastera Melayu Warisan Islam*.¹⁸

Ismail Hamid dalam membahaskan genre yang sama secara komprehensif menulis sebuah monograf berjudul *The Malay Islamic Hikayat* yang terbit sebagai Monograf 1 Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia. Kesemua karya di atas mempunyai satu persamaan iaitu memasukkan karya-karya berbentuk manuskrip hikayat yang menceritakan tentang kisah-kisah nabi dan rasul terdahulu, Nabi Muhammad, sahabat Baginda, raja-raja dan pahlawan Islam dan orang-orang soleh dalam genre yang disebutkan di atas. Kajian ini memfokuskan analisis karya contoh daripada Hikayat Melayu Berunsur Islam (terjemahan *The Malay Islamic Hikayat*) berkaitan kisah-kisah nabi dan rasul yang merupakan satu sub genre di bawah Kesusasteraan Melayu Tradisional-Klasik-Lama.¹⁹

Secara khusus pula, Ismail Hamid dan Wahyunah Abd. Ghani pernah menyelenggara sebuah naskhah berjudul *Hikayat Para Nabi dan Tokoh-tokoh Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional* yang membincangkan mengenai anatomi bentuk dan isi karya-karya hikayat tentang nabi dan rasul, namun sebagaimana kajian-kajian manuskrip Hikayat Melayu Berunsur Islam berkenaan kisah para nabi dan rasul yang lain karya ini juga tidak memfokuskan isu-isu kesahihan dan kebenaran riwayat-riwayat yang terkandung padanya.²⁰

¹⁸ Ali Ahmad & Siti Hajar Che' Man, *Bunga Rampai Sastera Melayu Warisan Islam*.

¹⁹ Ismail Hamid, *The Malay Islamic Hikayat*.

²⁰ Ismail Hamid & Wahyunah Abd. Ghani, *Hikayat Para Nabi dan Tokoh-tokoh Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002)

Manuskrip yang sudah dikaji meskipun menggunakan metode analisis kandungan, lebih cenderung dilihat dari aspek sejarah, kesusasteraan atau kebahasaan berbanding dari sudut disiplin periwayatan menurut ilmu-ilmu Islam. Sedangkan dalam Islam antara asas utama dalam meriwayatkan sebarang maklumat bersabit dengan agama termasuk riwayat yang berbentuk kisah-kisah dalam kategori *ghaybiyyat* dan *sam'iyat*, perlu diketahui sumber asalnya apakah ia bertepatan dengan kisah-kisah yang ada dalam al-Quran dan Hadith yang sahih.²¹

Antara penemuan yang menarik pada bahagian ini adalah kajian terhadap naskah yang sama iaitu *Surat al-Anbiya* oleh Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz, namun fokus kajian beliau yang menggunakan metode analisis perbandingan adalah untuk melihat sama ada karya Sastera Hikayat Melayu Tradisional-Klasik-Lama khususnya Hikayat Melayu Berunsur Islam yang menceritakan kisah nabi dan rasul mempunyai persamaan atau perbezaan dengan kisah-kisah nabi dan rasul yang terdapat dalam Bible. Kajian tersebut bertajuk *Kisah Bible dalam Hikayat Masyarakat Melayu: Kajian Terhadap Surat al-Anbiya*. Hasil kajian beliau menunjukkan banyak kisah dalam *Surat al-Anbiya* mirip dengan kisah-kisah nabi dan rasul yang wujud dalam Bible atau Alkitab.²²

Sebuah disertasi sarjana Usuluddin dan tesis doktor falsafah Usuluddin yang mengkaji secara khusus mengenai riwayat *Isra'iliyyat* dengan menjadikan beberapa manuskrip Melayu-Jawi terpilih dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya membuktikan dakwaan di atas.

²¹ Al-'Ashqar, 'Umar Sulayman, *Sahih Qisas al-Nabawi* ('Amman: Dar al-Nafa'is li al-Nashr wa al-Tawzi', 1997); Al-'Ashqar, 'Umar Sulayman, *Qisas al-Ghayb fi Sahih al-Hadith al-Nabawi* ('Amman: Dar al-Nafa'is li al-Nashr wa al-Tawzi', 2007).

²² Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz, "Kisah Bible dalam Hikayat Masyarakat Melayu: Kajian Terhadap Surat al-Anbiya" (Disertasi Sarjana, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016)

Kajian yang dimaksudkan ialah oleh Salsabil Haji Mohd Zain yang melakukan kajian sarjana Usuluddin bertajuk *Isra'iliyyat dalam Mansukrip Melayu: Kajian Terhadap Hikayat Mukjizat Nabi*. Hikayat Mukjizat Nabi terdiri daripada *Hikayat Bulan Berbelah*, *Hikayat Nabi Bercukur* dan *Hikayat Mi'raj Nabi*. Namun, ketiga-tiga hikayat tersebut mempunyai banyak versi dan pengkaji hanya mengambil dan memfokuskan kajian kepada *Hikayat Nabi Bercukur* (MSS 2706 C), *Hikayat Nabi Mi'raj* (MSS 3411) dan *Hikayat Bulan Berbelah* (MSS 2706 B) sebagai sampel kajian. Kajian ini mendapati riwayat yang paling dominan dalam ketiga-tiga manuskrip tersebut adalah riwayat *Isra'iliyyat* jenis *mardud* yakni yang tertolak kerana bertentangan dengan Syariat Islam.²³

Manakala Rosmawati Ali @ Mat Zin menulis kajian doktor falsafah Usuluddin berjudul *Riwayat Isra'iliyyat: Pengaruhnya dalam Manuskrip Hadith di Alam Melayu*. Skop kajian ini hampir sama dengan skop sebelumnya namun pengkaji memfokuskan kajian *Isra'iliyyat* terhadap manuskrip Melayu-Jawi yang ditumpukan kepada manuskrip hadith sebagai skop dan batasan kajian. Kajian tersebut menganalisis 17 buah manuskrip Melayu-Jawi yang mempunyai riwayat *Isra'iliyyat* dengan membahagikannya kepada empat skop utama iaitu: 1. Rahsia kejadian alam, 2. Kisah para rasul, 3. Umat-umat terdahulu, dan 4. Hari akhirat dan *ghaibiyat*. Kajian tersebut mendapati terdapat pelbagai faktor bagaimana riwayat *Isra'iliyyat* mempengaruhi manuskrip-manuskrip Melayu sehingga menjadi dominan berbanding dengan riwayat yang sah.²⁴

²³ Salsabil Haji Mohd Zain, "Isra'iliyyat dalam Manuskrip Melayu: Kajian Terhadap Hikayat Mukjizat Nabi" (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

²⁴ Rosmawati Ali @ Mat Zin, "Riwayat Isra'iliyyat: Pengaruhnya dalam Manuskrip Hadith di Alam Melayu" (Tesis Ph.D., Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

Apa yang lebih tepat, 17 buah manuskrip yang dikaji oleh Rosmawati bukanlah *per se* manuskrip hadith atau ilmu hadith, namun ia merupakan manuskrip Melayu-Jawi pelbagai genre yang mempunyai hadith-hadith yang pelbagai termasuk hadith yang mempunyai unsur *Isra'iliyyat*. Daripada 17 buah manuskrip tersebut antara yang menepati kriteria tema dan jeda masa yang dikaji di sini ialah:

1. *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, MS 288, PMM-PNM
2. *Hikayat Nabi Ayub*, MSS 1664, PMM-PNM
3. *Hikayat Nabi Daud*, MSS 1568, PMM-PNM
4. *Hikayat Nabi Sulaiman*, MSS 2247, PMM-PNM
5. *Sejarah Anbiya'*, MSS 1663, PMM-PNM
6. *Rangkaian Kisah Nabi-nabi dan Hukum-hukum Fiqh*, MSS 480, PMM-PNM

Kesemua manuskrip di atas, selain *Hikayat Iskandar Zulkarnain* tidak diketahui pernah ditransliterasi dan diterbitkan atau tidak, sama ada oleh Dewan Bahasa dan Pustaka di bawah siri Sastera Klasik atau mana-mana penerbit lain.

Antara kesimpulan yang dibuat oleh kedua-dua pengkaji tersebut ialah keberadaan riwayat *Isra'iliyyat* memang banyak dan ketara dalam manuskrip-manuskrip yang dikaji sama ada zaman sebelum tahun 1600 atau selepasnya. Majoriti daripada riwayat *Isra'iliyyat* tersebut pula dalam kategori *mardud* yakni yang tertolak kerana jelas bertentangan dengan syariat Islam khususnya akidah. Selain daripada itu, unsur rekaan oleh pengarang juga kuat contohnya pada penulisan dialog-dialog dalam hikayat-hikayat tersebut.

Kesimpulannya, meskipun sudah terdapat kajian lampau terhadap kisah-kisah dalam genre Hikayat Melayu Berunsur Islam berkaitan kisah para nabi dan rasul, namun belum ada kajian khusus dan menyeluruh berkaitan dengan

proses kejadian Nabi Adam sebagaimana yang mahu difokuskan dalam kajian ini.

Fenomena Perkembangan Kisah Nabi dan Rasul di Alam Melayu

Budaya ilmu yang berkembang seiring dengan agama Islam yang turut berkembang di Alam Melayu adalah fenomena baharu yang tidak pernah berlaku sebelum Islam menjadi agama dominan rantau ini.²⁵ Fenomena ini dibuktikan dengan lahirnya budaya penulisan karya yang semakin meningkat. Karya-karya tersebut menggunakan aksara Jawi yang dipinjam daripada bahasa Arab dengan enam huruf tambahan digunakan bagi menulis karya ilmiah pelbagai genre dan bahasa dialek di Alam Melayu.²⁶ Naskhah-naskhah karya tersebut sebahagiannya masih kekal sampai ke hari ini dan ia merupakan khazanah yang dijaga, dikaji dan dikenali sebagai Manuskrip Melayu atau Manuskrip Jawi.²⁷

Pengaruh hikayat Hindu dan Buddha dari sudut bentuk dan kandungan serta penggunaan istilah-bahasa masih wujud dengan ketara dalam hikayat sastera pasca-Islam yang awal atau fasal peralihan Hindu-Buddha kepada Islam. Selain daripada itu para pengarang hikayat pada zaman itu meskipun sudah mempunyai ruh keislaman, dakwah, dan daya kreativiti yang tinggi namun mereka tidak terlatih dengan tradisi dan disiplin periwayatan dalam ilmu-ilmu Islam khususnya *'Ilm al-Riwayah* (disiplin ilmu berkaitan status rangkaian perawi hadith) dan *'Ilm al-*

²⁵ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Budaya Ilmu: Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini* (Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (CASIS) dan Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM), 2019), 165-190.

²⁶ Hashim Musa, *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi Edisi Kedua* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006).

²⁷ Wan Ali Wan Mamat, *An Introduction to Malay Manuscript* (Gombak: IIUM Press, 2014); Ros Mahwati Ahmad Zakaria & Latifah Abdul Latif, *Malay Manuscript: An Introduction* (Kuala Lumpur: IAMM Publications, 2008).

Dirayah (disiplin ilmu berkaitan keabsahan sesuatu teks untuk dinisbahkan kepada Rasulullah ﷺ) sebagaimana ulama tafsir dan ulama hadith di negara-negara Islam di benua Arab, Parsi, Afrika dan India.²⁸ Kesannya adalah karya-karya hikayat khususnya karya Hikayat Melayu Berunsur Islam atau *The Malay Islamic Hikayat* yang ditulis oleh mereka mempunyai unsur sinkretisme agama dan budaya yakni tokoh tambah pelbagai unsur luar sehingga boleh menghilangkan keaslian riwayat itu sendiri.²⁹

Dari satu perspektif, keadaan ini menunjukkan daya kreativiti dan kearifan tempatan yang luar biasa dimiliki oleh para pengarang Melayu pada zaman tersebut,³⁰ namun daripada perspektif disiplin ilmu-ilmu Islam ia merupakan satu bentuk penyelewengan riwayat yang boleh memberi kesan kepada kefahaman dan aqidah umat Islam kerana kisah-kisah tersebut adalah berasal daripada al-Quran dan al-Sunnah yang bersifat sakral dan *qat'i* yang bermaksud putus atau muktamad, ia tidak boleh ditokok tambah sesuka hati.³¹ Hal ini dijelaskan lagi oleh Ismail Hamid dan Wahyunah Ab. Ghani:

²⁸ Ab. Latif Muda, Rosmawati Ali, *Pengantar Usul Al-Hadith* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2014); Endang Soetari, *Ilmu Hadis Kajian Riwayah dan Dirayah* (Bandung: Mimbar Pustaka, 2008).

²⁹ Abdullah Taib, *Asas-asas Antropologi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985), 219-225; Syamsul Azizul Marinsah, "Unsur Sinkretisme dalam Uruf dan Adat Masyarakat Bajau di Sabah: Analisis dari Perspektif Hukum Islam" (Tesis Ph.D., Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2017); Ros Aiza Mohd Mokhtar & Che Zarrina Sa'ari, "Sinkretisme dalam Adat Tradisi Masyarakat Islam," *Jurnal Usuluddin*, 43 (Januari-Jun 2016), 69-90

³⁰ Muhammad Haji Salleh, *Puitika Sastera Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000); Norazimah Zakaria, *Kanon Melayu* (Bangi: UKM Press, 2016).

³¹ Al-'Ashqar, *Sahih Qisas al-Nabawi*; Al-'Ashqar, *Qisas al-Ghayb fi Sahih al-Hadith al-Nabawi*.

"Dalam penulisan cerita-cerita tersebut berlaku lagi kreativiti kepengarangan apabila penulis-penulis cerita turut melibatkan diri dalam menokok tambah penciptaan sebagai unsur tambahan sama ada dalam plot cerita, perwatakan, latar, dan lain-lain. Cerita yang asal telah berubah menjadi cerita yang baru, misalnya Hikayat Raja Khaibar mempunyai versi yang lain dan judulnya berbeza iaitu Hikayat Raja Rahib."³²

Isu inilah yang diangkat dalam kajian ini iaitu masalah disiplin dalam periwayatan kisah-kisah sakral daripada al-Quran dan Hadith yang mempunyai disiplin dan matlamat khas yang tersendiri yang sudah ditentukan oleh Allah ﷻ secara *tawqifi* yakni secara azali. Namun keadaan ini tidak menafikan kehebatan dan ketinggian akal budi para penulis Hikayat Melayu Berunsur Islam yang kreatif dan mampu mengolah karya-karya tersebut sehingga menjadi tinggi nilai dan mutu estetika dari sudut kesusasteraannya.³³

Antara unsur yang wujud dalam karya Hikayat Melayu Berunsur Islam adalah kemasukan riwayat *Isra'iliyyat* yang tidak ditapis dan disaring berdasarkan disiplin *'Ilm al-Riwayah*. Kesannya adalah riwayat-riwayat yang sudah tercemar ini terus bertapak, berkembang dan disebarkan di Alam Melayu sehingga kini. Riwayat-riwayat *Isra'iliyyat* ini diterima dan dianggap sebagai riwayat yang sahih dan terus disebarkan melalui medium lisan dan tulisan, tanpa menyedari riwayat-riwayat *Isra'iliyyat* yang batil ini boleh merosakkan keaslian dan kesucian kisah para nabi dan rasul

³² Ismail Hamid & Wahyunah Abd. Ghani, *Hikayat Para Nabi dan Tokoh-tokoh Islam*, 27.

³³ *Ibid.*, 30-33.

sekali gus merosakkan kefahaman umat Islam terhadap ajaran Islam itu sendiri sekali gus aqidah mereka.³⁴

Berdasarkan kajian yang lepas, kajian berkaitan Hikayat Melayu Berunsur Islam khususnya kisah para nabi dan rasul sekadar dilihat daripada aspek kesusasteraan seperti tulisan Ismail Hamid dan Wahyunah Abd. Ghani. Manakala kajian Salsabil Haji Mohd Zain dan Rosmawati Ali @ Mat Zin hanya memfokuskan kajian terhadap aspek manuskrip-manuskrip tertentu sahaja tidak termasuk naskhah *Surat al-Anbiya*'. Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz pula meskipun menggunakan teks *Surat al-Anbiya*' untuk dibandingkan dengan kisah-kisah dalam Bible, kajian beliau tidak membandingkan kisah melalui riwayat-riwayat tersebut dengan kisah yang termaktub dalam al-Quran (*Qasas Qur'ani*) secara khusus.

Metodologi

Kajian ini adalah sebuah kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan dan analisis perbandingan. Teks sumber yang akan digunakan adalah sebuah buku kajian bertajuk *Surat al-Anbiya*' yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1990 hasil tranliterasi dan kajian pengenalan oleh Hamdan Hassan berdasarkan sebuah manuskrip dalam simpanan Royal Asiatic Society, London dengan nombor panggilan MS Maxwell 22 & 23. Tahun teks ditulis sekitar tahun 1700 manakala manuskrip salinan itu bertarikh 1877 di Melaka. Jumlah perkataan adalah 180,551 patah perkataan.³⁵

Teks yang akan digunakan sebagai rujukan perbandingan pula adalah sebuah karya yang cukup

³⁴ Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi & Mohamad Lokman Mohd Salleh (penyusn.), *40 Hadis Sahih Kisah Ghaib & Ajaib* (Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2019); Mohd Khairul Nizam, "Kisah Bible dalam Hikayat Masyarakat Melayu".

³⁵ Ricklefs, M. C. & Voorhoeve, P., *Indonesian Manuscript in Great Britain* (London: Oxford, 1977), 145-146; Hamdan Hassan, *Surat al-Anbiya*' (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990).

masyhur dalam tradisi keilmuan Islam yang dinisbahkan kepada seorang ulama tafsir dan sejarah Islam iaitu Ibn Kathir (701-774H). Kitab berjudul *Qasas al-Anbiya* yang dinisbahkan kepada Ibn Kathir adalah kitab yang menghimpunkan kisah para nabi dan rasul berdasarkan ayat-ayat al-Quran. Kitab tersebut sebenarnya bukan tulisan asli oleh Ibn Kathir, namun ia adalah cuplikan dan susunan semula oleh bahagian awal daripada kitab *tarikh* yang dikarang oleh Ibn Kathir sendiri yang berjudul *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Penyusunan semula kisah-kisah pada bab-bab awal kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* itu telah dibuat oleh Dr. Mustafa 'Abd al-Wahid tanpa menambah atau mengurangkan isinya.³⁶

Kitab *Qasas al-Anbiya* ini kemudian banyak diberi perhatian oleh ulama-ulama semasa untuk dimurnikan lagi antaranya oleh Salim Ied al-Hilali (*Salim 'Ayd al-Hilali*) seorang ulama hadith kontemporari dari Jordan. Kitab beliau diberi tajuk *Sahih Qasas al-Anbiya* yang kemudian diterbitkan edisi terjemahan dengan tajuk *Kisah Shahih Para Nabi: Disarikan dari Kitab Qishashul Anbiyaa' Al-Hafizh Ibnu Katsir*. Karya yang sudah ditahqiq itu kemudian diterjemah ke bahasa Indonesia oleh M. Abdul Ghoffar E.M. Kisah Nabi Adam daripada kitab ini akan dianalisis kandungan dan dibandingkan dengan kisah Nabi Adam dalam hikayat *Surat al-Anbiya*.³⁷

Tatacara Penyelidikan

Kajian ini mengaplikasikan kerangka kajian *folklore* oleh Dundes yang merangkumi tiga peringkat utama iaitu: 1.

³⁶Al-Khalidi, Salah 'Abd al-Fattah, *al-Qasas al-Qur'an 'Ard wa Qa'i'a wa Tahlil Ahdathin*, cet. ke-5 (Damsyik: Dar al-Qalam, 2011), 8-9.

³⁷Al-Hilali, Salim bin 'Ied ed., *Kisah Shahih Para Nabi: Disarikan dari Kitab Qishashul Anbiyaa' Al-Hafizh Ibnu Katsir* (Sahih Qasas al-Anbiya'), terj. M. Abdul Ghoffar E.M, jld. 1, cet. ke-3 (Kota Medan: Pustaka Imam Asy-Syafi'i, 2012).

Peringkat pengenalanpastian, 2. Peringkat pengumpulan data, dan 3. Peringkat analisis data.³⁸

Untuk peringkat pertama, kedua-dua teks sumber yang mengandungi kisah Nabi Adam akan dibaca secara komprehensif dan khusus daripada teks hikayat *Surat al-Anbiya* mewakili Sastera Melayu Tradisional dan teks daripada *Kisah Shahih Para Nabi: Disarikan dari Kitab Qishashul Anbiyaa' Al-Hafizh Ibnu Katsir* mewakili *Qasas Qur'ani*.

Untuk peringkat pengumpulan data, fokus kajian ini adalah untuk menilai mana-mana pernyataan yang dinisbahkan sebagai "Firman Allah" sama ada daripada ayat al-Quran atau Hadith Qudsi. Selepas data-data tersebut dikeluarkan, semua ayat yang mempunyai terma "Firman Allah" akan dibandingkan dengan data-data daripada teks sumber al-Quran dan Hadith Qudsi yang banyak digunakan dalam teks *Kisah Shahih Para Nabi*.

Kisah Nabi dan Rasul dalam Tradisi Kesusasteraan Melayu Tradisional

'Tradisi' menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* bermaksud sesuatu kebiasaan yang berkaitan dengan adat, kepercayaan dan seumpamanya yang kekal turun-temurun, atau sesuatu yang sudah menjadi amalan yang sudah sebatian dengan sesebuah masyarakat, golongan atau kumpulan dan seumpamanya. Tradisional pula ialah sesuatu yang dikaitkan, bersifat atau mengikut tradisi. Contohnya dalam kesusasteraan lama, gaya bahasa dan teknik penceritaannya bercorak tradisional, atau masyarakat tradisional ialah masyarakat yang mengamalkan cara hidup yang sama secara turun-temurun.³⁹

'Persuratan' ialah kata terbitan daripada 'surat' yang membincangkan tentang hal ehwal tulis menulis,

³⁸ Dundes, A., *The Story of Folklore* (Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall, 1965).

³⁹ *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1711.

kesusasteraan, perpustakaan dan seumpamanya.⁴⁰ Karya-karya Persuratan dan Kesusasteraan Melayu-Islam pada zaman awal Islam di Alam Melayu hingga ke zaman moden lebih dikenali sebagai hikayat. Menurut *Kamus Kesusasteraan*, hikayat boleh difahami sebagaimana rumusan berikut:⁴¹

- i. Suatu bentuk genre sastera Melayu tradisonal berbentuk prosa atau separa prosa yang biasanya mengandungi cerita yang panjang.
- ii. Sebagai suatu bentuk genre, hikayat bersifat bebas isi dan struktur, iaitu boleh digunakan untuk membawa pelbagai tema dan jenis karya. Contohnya fabel, roman, epik, sejarah, adab dan histiriografi.
- iii. Hikayat mempunyai pelbagai fungsi antaranya sebagai bahan hiburan, pengajaran, adab, dan dakwah.
- iv. Hikayat dicirikan oleh unsur-unsur kecerakaan dan khayalan, namun terdapat hikayat yang bersifat faktual seperti kisah yang berkait dengan tokoh dan peristiwa sejarah, contohnya *Hikayat Sultan Ibrahim Ibnu Adham* dan *Hikayat Raja Pasai*.
- v. Kebanyakan karya hikayat berfokus kepada perihal istana atau golongan bangsawan.
- vi. Berdasarkan etimologi istilah hikayat, dapat diandaikan bahawa karya hikayat hanya muncul dalam dunia Melayu pada zaman selepas kedatangan Islam. Misalnya *Hikayat Amir Hamzah*, sebuah epik warisan Islam yang dianggap sebagai sebuah daripada hikayat Melayu yang terawal.
- vii. Oleh sebab karya hikayat hanya muncul selepas kedatangan Islam, maka tulisan hikayat biasanya adalah tulisan Jawi.

⁴⁰ *Ibid.*, 1548-1549.

⁴¹ *Kamus Kesusasteraan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 129-131.

- viii. Karya lisan yang dikenali sebagai hikayat adalah karya lisan yang sudah ditulis.
- ix. Sastera hikayat kebanyakannya bersifat sintesis disebabkan ia muncul daripada latar belakang budaya yang sinkretik antara peribumi-Hindu-Buddha-Islam. Contoh karyanya seperti *Hikayat Indera Putera*.
- x. Meskipun karya hikayat sudah semakin tenggelam pada abad ke-18, namun penggunaan istilah hikayat sebagai judul karya-karya tulis pada masa itu masih banyak. Contohnya Abdullah bin Abdul Kadir Munshi (1796-1854) yang dikenali sebagai Abdullah Munshi menggunakan tajuk *Hikayat Abdullah* untuk karya autobiografi beliau. Beberapa karya beliau yang lain juga demikian seperti *Hikayat Dunia* (geografi), *Hikayat Kapal Terbang*, *Hikayat Bintang* dan *Hikayat Eropah*.
- xi. Prosa panjang yang kemudian dikenali sebagai novel terawal dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi tulisan Syed Sheikh Syed Ahmad al-Hadi (1867-1934) berjudul *Hikayat Faridah Hanum*.
- xii. Hikayat berasal daripada kalimah bahasa Arab, *Hikayah* yang bermaksud 'cerita-cerita sejarah', atau *Haka* yang bermaksud 'menceritakan,ewartakan dan memberitahu.

Ismail Hamid dalam *The Malay Islamic Hikayat* membahagikan Sastera Hikayat Berunsur Islam kepada beberapa jenis iaitu:⁴²

- i. Hikayat tentang Nabi Muhammad ﷺ
- ii. Hikayat tentang Nabi dan Rasul yang Terdahulu
- iii. Hikayat tentang Para Sahabat Rasulullah ﷺ
- iv. Hikayat Roman dan Pahlawan Muslim
- v. Hikayat tentang Tokoh-tokoh Sufi dan Orang Soleh

⁴² Ismail Hamid, *The Malay Islamic Hikayat* (Bangi: UKM Press, 1995).

Pengkategorian ini tidak jauh berbeza dengan pembahagian yang dibuat oleh Ali Ahmad dan Siti Hajar Che' Man dalam *Sastera Melayu Warisan Islam*, namun ada beberapa tambahan lagi daripada mereka sebagaimana yang dinyatakan berikut:⁴³

- i. Hikayat tentang Nabi Muhammad ﷺ
 - *Hikayat Nur Muhammad*
 - *Hikayat Peri Menyatakan Mukjizat Nabi*
 - *Inilah Hikayat Peri Menyatakan Nabi Wafat*
 - *Hikayat Nabi Perang Khaibar*
- ii. Hikayat-hikayat tentang Para Nabi
 - *Qisas al-Anbiya'*
 - *Surat al-Anbiya'*
 - *Hikayat Nabi Yusuf*
 - *Hikayat Nabi Musa*
 - *Hikayat Nabi Sulaiman*
- iii. Kisah-kisah tentang Para Sahabat Nabi
 - *Hikayat Abu Bakar*
 - *Hikayat Abu Shamah*
 - *Hikayat Fatimah*
 - *Hikayat Amir al-Mu'minin Umar*
 - *Hikayat Hassan dan Hussin*
 - *Hikayat Tamim ad-Dari*
- iv. Hikayat Raja-raja dan Pahlawan Islam
 - *Hikayat Iskandar Zulkarnain*
 - *Hikayat Amir Hamzah*
 - *Hikayat Malik Saiful-Lizan*
 - *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*
- v. Hikayat-hikayat tentang Orang Salih
 - *Hikayat Wasiat Luqman Hakim*
 - *Hikayat Raja Jumjunah*
 - *Hikayat Sultan Ibrahim bin Adham*
 - *Abu Yazid al-Bistami*
 - *Hikayat Syeikh Abdul Kadir Jilani*

⁴³ Ali Ahmad & Siti Hajar Che' Man, *Bunga Rampai Sastera Melayu*.

- *Hikayat Syeikh Muhammad Saman*
- *Hikayat Darmata 'siah*
- vi. Sastera Kitab
 - *Masalah Seribu*
 - *Kitab Pelita Penuntut Ilmu*
- vii. Karangan-karangan Tasawuf
 - *Kitab Hikam*
 - *Jalal al-Qulub Bizikrillah*
 - *Rub 'ai Hamzah Fansuri*
- viii. Kitab Ketatanegaraan
 - *Bustanus-Salatin*
 - *Tajus-Salatin*
- ix. Cerita-cerita Berbingkai
 - *Hikayat Maharaja Ali*
 - *Hikayat Bayan Budiman*
 - *Hikayat Bakhtiar*
 - *Hikayat Seribu Satu Malam*
- x. Syair Rampai
 - *Maulid Jawi*
 - *Syair Alif, Ba, Ta*
 - *Nazam 25 Rasul*
 - *Syair Perihal Kiamat*
- xi. Roman-roman Islam
 - *Syair Siti Zubaidah Perang China*
 - *Hikayat Syamsul Anuar*
- xii. Cerita-cerita Jenaka
 - *Hikayat Abu Nuwas*
 - *Abu Nawas dengan Orang Yahudi*
 - *Hikayat Umar Umaiyah*

Secara perbandingan, terdapat penambahan kategori dalam pembahagian yang dibuat oleh Ali Ahmad dan Siti Hajar Che' Man berbanding pembahagian yang dibuat oleh Ismail Hamid. Namun kedua-dua buah karya mengkhususkan kategori Hikayat tentang Nabi dan Rasul sebagai satu kategori utama dalam buku mereka selepas

kategori Hikayat Nabi Muhammad ﷺ. Pada dasarnya Kesusasteraan Melayu Tradisional itu adalah:

"... bahan dokumen atau maklumat terpenting tentang tamadun masa lampau yang merakamkan daya fikir, akal budi, sentuhan jiwa, cita rasa, jati diri, dan kebijaksanaan masyarakat Melayu. Oleh itu kesusasteraan Melayu tradisional yang menggambarkan corak kehidupan, nilai, bahasa, dan estetika sekali gus menjadi panduan kepada khalayak untuk mengenal hati budi masyarakat Melayu. Tidak dapat dinafikan dalam banyak hal, unsur didaktik itu masih mampu disorot dan diguna pakai untuk dijadikan teladan pada masa kini."⁴⁴

Kedatangan Islam ke Alam Melayu kemudian mempengaruhi perkembangan kesusasteraan Melayu tradisional berbentuk lisan dan tulisan sehingga muncul manuskrip-manuskrip yang ditulis menggunakan aksara Jawi dengan kandungan penghikayatan terarah kepada tokoh-tokoh dan peristiwa dalam tradisi Islam tapi masih mengekalkan gaya dan bentuk penyampaian sebagaimana kesusasteraan zaman Hindu dan Buddha khususnya pada era peralihan dari zaman Hindu dan Buddha kepada Islam. Pengaruh istilah dan bahasa Sanskrit melalui aksara dan bahasa Jawa kuno seperti tulisan Kawi dan Pali sekali gus unsur-unsur kepercayaan khususnya bersabit konsep kesaktian masih wujud dalam teks pada zaman Islam kemudiannya.

Kisah Nabi dan Rasul Menurut Konsep *Qasas Qur'ani*
Kisah adalah kata pinjaman daripada bahasa Arab, *Qasasa* (قصص). *al-Qass* (القص) ertinya mengikuti atau mencari

⁴⁴ Majlis Peperiksaan Malaysia, *Mutiara Sastera Melayu Tradisional* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), xiv.

jejak. Orang Arab menyebut, "*Qasastu Atharahu*," yang bermaksud, "Saya mengikuti/mencari jejaknya." *al-Qasas* di sini ertinya jejak. Hal ini sesuai dengan firman Allah ﷻ: ... فَأَرْتَدَّا عَلَىٰ آثَارِهِمَا قَصَصًا yang bermaksud: "...merekapun balik semula ke situ, dengan menurut jejak mereka." (Surah al-Kahfi 18:64). Allah ﷻ berfirman: ... وَقَالَتْ لِأُخْتِهِ قُصِّبِهِ، maksudnya: "Dan berkatalah dia kepada kakak Musa: Pergilah cari khabar beritanya/Ikutilah dia." (Surah al-Qasas 28:11).⁴⁵ Maksud ayat tersebut ialah, emak Musa menyuruh kakak Musa supaya mengikuti jejak perjalanan Musa yang dihanyutkan di Sungai Nil itu untuk mengetahui siapa yang mengambilnya.⁴⁶

Al-Qasas juga ditakrifkan sebagai berita-berita yang diamati atau berita yang beruntun-runtun. Sebagaimana firman Allah ﷻ: ... إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْقَصَصُ الْحَقُّ... maksudnya: "Sesungguhnya ini ialah kisah-kisah yang benar..." (Surah Ali 'Imran 3: 62). Allah ﷻ berfirman lagi: لَقَدْ كَانَ فِي ... قَصَصِهِمْ... maksudnya: "Demi sesungguhnya, kisah Nabi-Nabi itu..." (Surah Yusuf 12: 111) Justeru, *al-Qissah* (القصة) ialah urusan, khabar, perkara dan keadaan.⁴⁷ Boleh disimpulkan bahawa *Qasas Qur'ani* ialah:

"Pemberitaan al-Qur'an mengenai hal ehwal umat masa dahulu, kisah para-Nabi yang terdahulu dan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku. Al-Quran banyak mengandungi keterangan tentang peristiwa masa lalu, sejarah bangsa-bangsa, keadaan negeri-negeri dan peninggalan atau jejak setiap umat. Ia

⁴⁵ Ar-Raghib al-Ashfahani, *Kamus Al-Quran: Penjelasan Lengkap Makna Kosakata Asing (Gharib) dalam al-Qur'an* (al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an), terj. Ahmad Zaini Dahlan Lc., Jld. 3 (Depok: Pustaka Khazanah Fawa'id, 2017), 3/185.


⁴⁶ Al-Qathan, Manna' Khalil, *Cara Mudah Memahami al-Qur'an* (Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an), terj. Abu Ezzat al-Mubarak & Anunur Rafiq AMK (Batu Caves: Pustaka Jiwa, 2009), 607-608.

⁴⁷ *Ibid.*, 608.

menceritakan semua keadaan mereka dengan cara yang menarik dan indah."⁴⁸

Berdasarkan takrif kisah-kisah al-Qur'an tersebut, Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi (1947-2022) secara makro membahagikan kisah-kisah al-Quran kepada dua bahagian besar iaitu: 1. Kisah-kisah Nabi dan Rasul, dan 2. Kisah-kisah Selain Nabi dan Rasul.⁴⁹

Rajah 1.1: Pembahagian Kisah al-Quran I




Sumber: Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi (2011)

Manna' Khalil al-Qattan pula membahagikan kepada tiga bahagian besar dengan menjadikan Kisah Berkaitan Sirah Nabi Muhammad ﷺ sebagai kategori ketiga:

Rajah 1.2: Pembahagian Kisah al-Quran II

⁴⁸ *Ibid.*, 608-609.


⁴⁹ Al-Khalidi, Salah 'Abd al-Fattah, *al-Qasas al-Qur'an 'Ard wa Qa'i'a wa Tahlil Ahdathin*, Cet. ke-5 (Damsyik: Dar al-Qalam, 2011), 1/28.



Sumber: Manna' Khalil al-Qattan (2009)

Namun dalam kajian ini pengkaji lebih cenderung memasukkan Kisah Berkaitan Sirah Nabi Muhammad ﷺ di bawah kategori Kisah Nabi dan Rasul. Manakala dalam kategori 'Kisah Selain Nabi dan Rasul' pula ditambah kategori 'Kisah-kisah Binatang' dan 'Kisah-kisah Kejadian Makhluk Terawal Diciptakan'.

Rajah 1.3: Pembahagian gabungan Kisah Selain Nabi dan Rasul dalam al-Quran



Sumber: Pengkaji (2021)

Kisah Nabi dan Rasul

Kisah 25 nabi yang berstatus rasul terfokus kepada perjalanan dakwah mereka terhadap kaum mereka, mukjizat-mukjizat yang Allah ﷻ kurniakan untuk menyokong dakwah mereka, sikap musuh-musuh mereka, tahap-tahap dan peringkat-peringkat perkembangan dakwah mereka serta akibat yang mereka tanggung kesan daripada keteguhan di atas jalan dakwah tersebut. Selain daripada itu, al-Quran juga mengisahkan akibat yang diterima oleh kaum yang mendustakan dakwah Nabi dan Rasul mereka secara melampau sehingga Allah ﷻ membalas kejahatan mereka di dunia ini lagi dan sebahagian daripada kesan azab itu masih wujud sehingga hari ini.⁵⁰

Meskipun Manna' Khalil al-Qattan meletakkan Kisah-kisah Berkaitan Nabi Muhammad ﷺ sebagai satu kategori tersendiri, namun kebanyakan ulama memasukkan kisah-kisah ini di bawah kategori Kisah-kisah Nabi dan Rasul. Sebagai contoh 'Abd al-Karim Zaydan yang menulis *al-Mustafad min Qasas al-Qur'an li al-Da'wah wa al-Du'ah* yang memasukkan perbincangan mengenai ayat-ayat kisah mengenai kisah Nabi Muhammad ﷺ dalam sebahagian besar daripada buku tersebut.

Kisah Selain Nabi dan Rasul

Kisah-kisah dalam kategori ini tertumpu kepada kisah-kisah yang berlaku pada zaman lampau yang melibatkan tokoh yang tidak dapat dipastikan status kenabian mereka dan tokoh antagonis sezaman dengan mereka.⁵¹ Kisah-kisah tersebut adalah kisah *Harut* dan *Marut*, *Talut*, *Marra'ala Qaryah*, *Tayyah Bani Isra'il*, *Ashab al-Sabt*,

⁵⁰ Abdul Karim Zaidan, *Hikmah Kisah-kisah dalam al-Qur'an: Dari Nabi Adam – Nabi Isa a.s. Beserta Kaumnya* (al-Mustafad min Qasas al-Qur'an), terj. M. Syuaib Al-Faiz, Thoriq Abd. Aziz At-Tamimi (Jatinegara: Darus Sunnah Press, 2012), I/XV-XVI; Al-Qathan, *Cara Mudah Memahami al-Qur'an*, 609; Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*.

⁵¹ Al-Qathan, *Cara Mudah Memahami al-Qur'an*.

*Ansalakha min Ayati'llah, Ashab al-Kahfi, Sahib al-Jannatayn, Dhi al-Qarnayn, Ummu Musa, Qarun, Luqman, Saba', Ashab Qaryah, Mu'min Ali Fir'awn dan Ashab al-Ukhdu.*⁵²

Kisah-kisah binatang yang disebutkan dalam al-Quran juga boleh berdiri sendiri sebagaimana yang dikumpulkan oleh Ahmad Bahjat melalui karyanya yang berjudul *Qisas al-Hayawan fi al-Qur'an*. Naskah ini sudah diterjemahkan dalam bahasa Melayu dan diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan judul *Kisah-Kisah Haiwan dalam al-Qur'an*. Terdapat 16 buah kisah yang dimasukkan dalam kategori ini iaitu: 1. Gagak Anak Adam, 2. Unta Betina Nabi Salleh, 3. Burung Nabi Ibrahim, 4. Serigala Nabi Yusoff, 5. Ikan Paus Nabi Yunus, 6. Lembu Betina Bani Isra'il, 7. Tongkat Nabi Musa, 8. Burung Belatuk Nabi Sulaiman, 9. Semut Ratu Nabi Sulaiman, 10. Serangga Merayap/Anai-anai (*Dabbatul Ardh*), 11. Keldai Uzair, 12. Anjing Ahli Al-Kahfi, 13. Tanah Nabi Isa, 14. Burung Ababil, 15. Gajah Abrahah, dan 16. Labah-labah Gua.⁵³

Satu lagi kategori yang boleh dimasukkan dalam bahagian ini adalah Kisah-kisah Makhhluk yang Terawal Diciptakan oleh Allah ﷻ. Ibn Kathir (701-774H) dalam naskah *Qisas al-Anbiya'* yang dicuplik daripada karya induknya *al-Bidayah wa al-Nihayah* memulakan penyusunan kisah-kisah Nabi dan Rasul dengan *Fasl fi anna Allah Khaliq kulli Shay'*, *Fima Wurida fi Sifat Khalq al-'Arsh wa al-Kursi*, *Fi Dhikr al-Lawh al-Mahfuz*, *Bab Ma Wurida fi Khalq al-Samawat wa'l-Ard wa Ma Baynahuma*, *Fasl fi al-Bihar wa al-Anhar*, *Bab Dhakara ma Yata'allaq bi Khalq al-Samawat wa ma Fihinna min al-Ayat*, *Fasl fi*

⁵² Al-Khalidi, *al-Qisas al-Qur'ani*, I/7-8.

⁵³ Ahmad Bahjat, *Kisah-kisah Haiwan dalam al-Qur'an* (Qisas al-Hayawan fi al-Qur'an), terj. Sohair Abdel Moneim Sery, Zawati bt. Yusof, Ali bin L. Shaari (Putajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2001), vii-viii.

*al-Kalam 'ala al-Mujarrah wa Qusi Quzzah, Bab Dhakara Khalq al-Mala'ikah wa Sifatihim 'alayhi al-salam, dan Bab Dhakara Khalq al-Jann wa Qissat al-Shaytan.*⁵⁴

Nubuwwah dalam Tradisi Akidah Islam

Perbahasan tentang hal ehwal kenabian atau *Nubuwwah* adalah satu daripada bab khusus dalam kitab-kitab akidah Islam selepas bab *Ilahiyyah* yang merangkumi perbahasan tentang Sifat Wajib Bagi Allah, Sifat Mustahil Bagi Allah dan Sifat Harus Bagi Allah. Topik perbahasannya berkisarkan Sifat Wajib Bagi Rasul, Sifat Mustahil Bagi Rasul dan Sifat Harus Bagi Rasul.⁵⁵ Ramai ulama Ahli Sunnah wal Jamaah telah mensyarahkan matan *Umm al-Barahin* dan *Jawharat al-Tawhid* sehinggalah pada hari ini. Antara yang terkini dalam bahasa Melayu, buku bertajuk *Ilmu Tauhid: Ilahiyyat, Nubuwwat & Sam'iyat* oleh Muhadir Haji Jol⁵⁶ dan *Risalah Fikriyyah* oleh Akli Ahmad.⁵⁷

Sebelum daripada itu, kitab-kitab akidah ini ditulis dan diterbitkan menggunakan tulisan Jawi. Namun sebahagiannya dirumikan seperti kitab berjudul *Syarah Matan Jauharah At-Tauhid al-Imam Asy-Syeikh Ibrahim al-Laqqani* yang merupakan karya terjemahan dan syarah oleh Syeikh Syihabuddin al-Haji. Karya ini kemudian

⁵⁴ Ibn Kathir, Abi al-Fida' Isma'il, *Qasas al-Anbiya': Tab'ah Mukharrajah al-Ahadith 'ala Kutub al-'Allamah Muhammad Nasir al-Din al-Albani rahimahu'llah* (Kaherah: Dar Ibn Hazm, 2009), 555.

⁵⁵ Al-Fatani, 'Abd al-Qadir ibn 'Abd al-Rahman, *Matn Umm al-Barahin Dengan Terjemahan Bahasa Jawi* (Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia, 2017), 8-16.

⁵⁶ Muhadir Haji Jol, *Ilmu Tauhid: Ilahiyyat, Nubuwwat & Sam'iyat* (Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2022).

⁵⁷ Akli Ahmad, *Risalah Fikriyyah* (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2015).

ditransliterasi ke tulisan Rumi oleh Mohamad Akmal bin Mohamad.⁵⁸

Berkata Ibrahim al-Laqqani r.h. sebagaimana diterjemahkan oleh Syeikh Syihabuddin al-Haji dalam merumuskan Sifat Wajib Bagi Nabi dan Rasul:

"Yakni: Wajib dalam hak Rasul dan Nabi itu, empat perkara dalam hak Rasul, dan dua perkara dalam hak Nabi. Pertama, amanah. Dan kedua, *sidq*. Maka keduanya itu bersekutu antara Nabi dan Rasul."⁵⁹

Kemudian dinyatakan sifat wajib yang khusus bagi rasul, ketiga ialah *Tabligh* dan keempat ialah *Fatanah*.⁶⁰ Seterusnya dibahaskan tentang sifat mustahil bagi nabi dan rasul dengan katanya:

"Yakni: Dan mustahil bagi Rasul dan Nabi lawan sifat yang telah tersebut itu dalilnya naqal dan ijmak jumhur ulama radhiyallahu 'anhu."⁶¹

Dinyatakan bahawa lawan bagi sifat *sidq* ialah dusta, lawan kepada amanah ialah khianat, lawan sifat *tabligh* ialah *kitman*⁶², dan lawan sifat *fatanah* ialah bebal.⁶³ Seterusnya dinyatakan pula sifat harus bagi Nabi dan Rasul:

"Yakni: Harus pada hak mereka itu *a'radh basyariyyah* yang tiada menjadi cela ia atas martabat mereka itu yang tinggi, seperti makan dan minum, dan seperti jimak akan perempuan atau amahnya di dalam perihal yang halal (bukan wakyu haid atau nifas, dan seperti sakit

⁵⁸ Al-Haji, Syeikh Syihabuddin, *Syarah Matan Jauharah at-Tauhid al-Imam Asy-Syeikh Ibrahim al-Laqqani* (Batu Caves: Al-Hidayah Publication, 2021).

⁵⁹ *Ibid.*, 140-141.

⁶⁰ *Ibid.*

⁶¹ *Ibid.*, 142.

⁶² *Ibid.*, "Yakni tiada menyampaikan barang disuruh menyampaikan bagi makhluk."

⁶³ *Ibid.*

dan lapar dan dahaga dan barang sebagainya).⁶⁴

Dinyatakan juga perkara yang harus tiada seperti buta dan kelu tidak fasih berkata-kata dan seumpama dengannya.⁶⁵ Hal-hal tersebut mempunyai hikmah-hikmahnya yang tersendiri sebagaimana yang dinyatakan oleh kitab-kitab syarah bagi *Matn Jawharat al-Tawhid*.⁶⁶

Epistemologi yang paling asas dalam perbincangan *Nubuwwah* sebagaimana yang dinyatakan dalam nukilan di atas mestilah "dalilnya naqal dan ijmak jumhur ulama". Ini diperkemas lagi dengan pernyataan daripada kitab *Risalah At-Tauhid* karya Abdul Ghani Yahya dan Umar Yusuf, yang mana pada permulaan kitab ini mereka terlebih dahulu membahaskan *Mabadi' Asharah* bagi Ilmu Tauhid ini. Dalam membahaskan 10 *mabadi'* ilmu Tauhid, pada *mabadi'* yang kedua berkaitan tempat ambilan atau sumber bagi ilmu ini, jelas dinyatakan "iaitu diterbitkan daripada Qur'an dan Hadith."⁶⁷

Ini bermaksud segala maklumat berkaitan hal ehwal *Nubuwwat* yang melibatkan seluruh nabi dan rasul mestilah hanya bersumberkan al-Quran dan Hadith kerana ia adalah termasuk dalam ilmu Akidah sekali gus ilmu Tauhid. Hanya nas yang sahih lagi sahih sahaja boleh dijadikan sumber dan sandaran bagi hal-hal berkaitan akidah khususnya usul akidah. Hal ini bertepatan dengan epistemologi ilmu dalam Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam syarah *Matn Jawharat al-Tawhid* iaitu:

1. Khabar yang Sadiq iaitu khabar daripada Rasulullah

⁶⁴ *Ibid.*, 143.

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ *Ibid.*, 143-144; Lihat juga Nik Muhammad Syukri Nik Wan @ Masakree Ardae, *Sifat 20: Sejarah dan Kupasan Pendekatan Akidah* (Batu Caves: PTS Publishing House, 2021).

⁶⁷ Abdul Ghani Yahya & Umar Yusuf, *Risalah At-Tauhid* (Batu Caves: Al-Hidayah Publishing, 2022), 5.

SAW, 2. Akal yakni *Nazar*, dan 3. Pancaindera yakni *hawas*.⁶⁸

Manhaj Akidah dan Kesusasteraan

Sumber bagi kisah Nabi Adam dalam hikayat *Surat Al-Anbiya* adalah penyampaian lisan oleh asalnya tokoh agamawan yang berkemungkinan bukan orang tempatan. Kisah tersebut disampaikan melalui pengajian berkaitan dengan hal ehwal agama Islam sama ada di istana atau mana-mana tempat pengajian yang khusus. Kisah yang disampaikan itu kemudian ditulis kembali oleh hadirin yang mendengar kebiasaannya adalah tukang tulis istana atau bangsawan yang boleh menulis dan membaca. Mereka menulis kembali berdasarkan ingatan mereka sekali gus dimasukkan dengan tokok tambah sesuai dengan kisah-kisah dan hikayat-hikayat lain yang ada dalam hafalan mereka.⁶⁹

Manakala sumber bagi kisah Nabi Adam dalam *Qasas al-Anbiya* pula adalah daripada ayat-ayat al-Quran daripada beberapa surah. Antaranya Surah al-Baqarah 2: 30-39, Surah Ali 'Imran 3: 59, Surah al-Nisa' 4: 1, Surah al-Hujurat 49: 13, Surah al-A'raf 7: 189, Surah al-A'raf 7: 11-25, Surah Taha 20: 55, Surah al-Hijr 15: 26-44, Surah al-Isra' 17: 61-65, Surah al-Kahfi 18: 50, Surah Taha 20: 115-126, dan Surah Sad 38: 67-88.⁷⁰ Kesemua surah dan ayat al-Quran yang mengandungi kisah Nabi Adam adalah tidak bersifat kronologi dalam satu surah secara khusus namun mencapah dalam surah yang pelbagai. Ini kerana ia mempunyai sebab-sebab khusus yang menjadi matlamat penurunannya. Ini membuktikan al-Quran bukan sebuah hikayat yang direka cipta oleh manusia namun sebuah wahyu daripada Allah SWT.

⁶⁸ Al-Haji, *Syarah Matan Jauharah at-Tauhid*, 15-17.

⁶⁹ Hamdan Hassan, *Surat Al-Anbiya*.

⁷⁰ Al-Hilali, *Kisah Shahih Para Nabi*, 9-21.

Penghikayatan kisah Nabi Adam dalam hikayat *Surat al-Anbiya* secara asasnya juga berasal daripada sumber yang sama iaitu al-Qur'an dan ia termasuk dalam kategori *Qasas Qur'ani*. Namun proses penceritaan kisah Nabi Adam daripada sumbernya iaitu al-Quran dengan menggunakan lisan oleh para agamawan sendiri jika tidak benar-benar merujuk kepada al-Quran akan terbuka untuk berlakunya penambahan demi penambahan. Pada era kesusasteraan Melayu-Islam tradisonal berkembang, masyarakat umumnya adalah tidak pandai membaca dan menulis. Justeru, segala maklumat yang disampaikan dan ditulis serta dibacakan semula adalah sangat terdedah dengan sebarang tokoh tambah yang tidak dapat dipertanggungjawabkan.

Proses Kejadian Nabi Adam dalam *Surat al-Anbiya*'

Dalam memerikan proses kejadian Nabi Adam, penulis *Surat al-Anbiya* bermula dengan berkata: "Al-kisah tersebutlah kisah kejadian Nabi Allah Adam asahissalam", seterusnya penulis terus menisbahkan penceritaan seterusnya kepada Allah SWT seolah-olah ia adalah ayat al-Quran ataupun Hadith Qudsi. Katanya:

... bahawa firman Allah Taala, "Aku menjadikan raja di dalam bumi." Maka sahut segala malaikat, "Ya Tuhan-ku, adapun raja yang Engkau jadikan atas muka bumi itu kerjanya akan membinasakan isi bumi itu jua. Bahawa akan kami sekalian senantiasa mengucap tasbih, dan tahmid dan tahlil ke hadrat-Mu." Maka firman Allah Taala, "Bahawa Ku tahu barang yang tiada kamu ketahui."⁷¹

Ternyata petikan di atas adalah olahan dan terjemahan atau penghikayatan semula berdasarkan Surah al-Baqarah 2: 30. Secara lengkap terjemahan ayat ini adalah:

⁷¹ Hamdan Hassan, *Surat Al-Anbiya*, 136.

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu? Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.”

Penulis *Surat al-Anbiya*’ telah menterjemahkan kalimah *khalifah* dalam teks asal al-Quran kepada “raja” manakala kebiasaan para penterjemah al-Quran dalam bahasa Melayu sebagaimana penulis *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* mengekalkan kalimah “khalifah”, antara lain kerana kalimah khalifah sudah diserap dalam bahasa Melayu. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, khalifah ialah setiap insan yang diamanahkan atau dipertanggungjawabkan oleh Allah untuk mengurus dan mentadbir dunia ini mengikut syariat Allah.⁷² Secara umum, takrif ini sama dengan konsep khalifah yang dinyatakan dalam al-Quran.

Dalam *Kisah Shahih Para Nabi*, penulis telah memasukkan kumpulan ayat 30-39 secara sekali gus.⁷³ Penulis kemudian membuat ulasan mengenai ayat ini bahawa pertanyaan malaikat bukanlah untuk mengingkari Allah namun untuk mengetahui hikmah ketetapan Allah tersebut. Manakala golongan yang dikatakan melakukan kerosakan sebelum penciptaan Nabi Adam di atas muka bumi pula adalah bangsa jin, disusuli ulasan penulis dengan

⁷² Dewan Bahasa dan Pustaka, “Pusat Rujukan Persuratan Melayu,” <http://prpmv1.dbp.gov.my/>

⁷³ Al-Hilali, *Kisah Shahih Para Nabi*, 9-11.

berkata "*Wallahua'lam*". Penegasan Allah tentang Dia lebih tahu berbanding para malaikat adalah dari sudut kemaslahatan dan apa yang terbaik daripada kalangan makhluk yang diciptakan-Nya itu. Ini adalah kerana daripada kalangan manusia ini akan lahirnya Nabi, Rasul, para *siddiqin*, *shuhada'* dan *salihin*.⁷⁴

Seterusnya kisah *Surat al-Anbiya'* tersebut diteruskan dengan perintah daripada Allah SWT kepada para malaikat untuk mengambil tanah di bumi, akan tetapi bumi telah bergetar sekali gus membantah perutusan yang dibawa oleh beberapa malaikat daripada Allah itu.

Maka firman Allah Taala: "Hai Jibrail turunlah engkau ke bumi dan ambil akan daku segenggam tanah, Aku hendak menjadikan Adam."⁷⁵

Petikan ini adalah mukadimah daripada babak yang panjang berkenaan dengan babak Allah mengarahkan para malaikat untuk turun ke bumi untuk mengambil segenggam tanah. Malaikat yang pertama diutuskan adalah Jibrail, kemudian Mikail, Israfil dan akhirnya Izrail. Izrail kemudian berjaya meskipun ditentang keras oleh bumi bagi mendapatkan segenggam tanah yang mana ketika Izrail menggenggam tanah bumi, genggamannya meliputi seluruh bumi dari *mashriq* (timur) dan *maghrib* (barat) dan juga seluruh tujuh petala langit. Atas kejayaan tersebut Allah kemudian menyerahkan urusan mengambil nyawa manusia kepada Izrail.⁷⁶

Daripada seluruh ayat al-Quran yang dikemukakan oleh Ibn Kathir melalui Salim 'Ied al-Hilali, tidak ada mana-mana ayat al-Quran yang boleh dikaitkan dengan kisah di atas. Namun hal ini tidak menafikan bahawa Nabi Adam memang diciptakan oleh Allah SWT daripada tanah

⁷⁴ *Ibid.*, 22-23.

⁷⁵ Hamdan Hassan, *Surat al-Anbiya'*, 136.

⁷⁶ *Ibid.*, 136-138.

sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah sendiri dalam Surah al-Hijr 15: 26:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَالٍ مِنْ حَمَإٍ مَسْنُونٍ

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Adam) dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya.

Sehingga ayat ke-44 daripada Surah al-Hijr, Allah beberapa kali menegaskan akan hal tersebut iaitu pada ayat 28 dan 33.

Kemudian penulis *Surat al-Anbiya*’ meneruskan kisah mengenai proses penciptaan Nabi Adam:

Maka firman Allah: “Hai malaikat ambil olehmu air empat bagi, cucurlah kepada tanah itu.”⁷⁷

Penulis kemudian menghuraikan apakah empat jenis air yang dimaksudkan tersebut. Air yang pertama adalah tawar, manakala air yang kedua adalah air masin, air yang ketiga pula adalah air hanyir dan keempat adalah air pahit. Selepas air-air ini dicururkan kepada tanah yang diambil dari bumi untuk diciptakan Adam itu maka jadilah air tawar sebagai air liur, air masin sebagai air mata, air hanyir jadi air hidung dan air pahit jadi air telinga.⁷⁸ Penulis *Surat al-Anbiya*’ tidak menyatakan sumber kenyataan ini, ia juga tidak dinisbah kepada frasa “Firman Allah” melainkan bahagian yang dinukilkan di atas, namun jika disemak banding ayat 26-44 daripada Surah al-Hijr, tidak ada satu ayat pun yang berkaitan dengan kenyataan ini. Justeru, tidak boleh dinisbahkan kenyataan ini sebagai fakta dan riwayat bersifat *Qasas Qur’ani*.

Seterusnya penulis *Surat al-Anbiya*’ menukilkan satu riwayat yang panjang yang dinisbahkan kepada seorang

⁷⁷ *Ibid.*, 138.

⁷⁸ *Ibid.*

sahabat besar sekali gus sepupu Nabi Muhammad ﷺ iaitu Ibn 'Abbas r.a. (dalam teks *Surat al-Anbiya*: 138 dieja Ibn Abas radi ya' llahu 'anhu). Dalam tradisi ilmu Islam, kata-kata yang dinisbahkan kepada Sahabat adalah riwayat hadith jika mereka meriwayatkan lafaz atau hal-hal yang berkaitan daripada Nabi Muhammad ﷺ. Jika ia bersifat pandangan dan lafaz mereka sendiri ia dinamakan *al-athar*. Kedudukan *athar* sebagai sumber rujukan Islam adalah tinggi malah di tempat ketiga selepas al-Quan dan al-Sunnah.

Kisah daripada riwayat yang dikatakan daripada Ibn 'Abbas r.a. tersebut adalah tentang kejadian fizikal dan anggota tubuh Nabi Adam a.s. yang agak terperinci yang didakwa diciptakan Allah daripada unsur tujuh petala bumi.⁷⁹ Antara sifat-sifat fizikal Nabi Adam dan fungsinya yang dinyatakan dalam riwayat yang panjang itu ialah:

1. Kepala daripada tanah Baitul Maqdis – tempat budi
2. Muka daripada tanah syurga – tempat perhiasan
3. Kaki daripada tanah Hindi – tempat berjalan
4. Tulang daripada tanah Bukit Kaf – tempat kuat
5. Zakar daripada tanah Babil – tempat syahwat
6. Belakang daripada tanah Gh-i-r-a-q – tidak dinyatakan
7. Hati daripada tanah Jannatul Firdaus – tidak dinyatakan
8. Lidah daripada tanah Taif – tempat berkata-kata
9. Kedua mata daripada tanah Kawd Khaws – tempat pemandangan

Seterusnya penulis *Surat al-Anbiya*' menjelaskan bahawa Allah SWT menciptakan tubuh Nabi Adam itu mempunyai sembilan pintu keluar pada kepalanya iaitu: Dua lubang telinga, dua lubang hidung, dua mata, satu mulut, satu dubur dan satu faraj. Seterusnya dinyatakan:

⁷⁹ *Ibid.*, 138-139.

"Maka dipakaikan kepadanya pancaindera dalam. Maka penglihat pada mata, penegar pada telinga, pencium pada hidung dan perasa pada mulut, penjawat pada kedua-dua tangan. Maka terhantarlah lembaga Adam alaihissalam di atas bumi".⁸⁰

Kenyataan-kenyataan yang dikemukakan di atas oleh penulis hikayat *Surat al-Anbiya*' yang didakwa sebagai sebuah riwayat daripada Ibn 'Abbas tidak dinyatakan sumbernya sama ada ia adalah sebuah hadith ataupun *athar*. Cuma jika dibandingkan dengan ayat-ayat al-Quran yang dikemukakan oleh Ibn Kathir dan Salim 'Ied al-Hilali tidak ada langsung hal tersebut dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran.

Sebaliknya, sejurus Allah SWT menyatakan bahawa Adam itu dicipta daripada "tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya",⁸¹ Allah SWT terus menyatakan: "Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan-Ku) ...",⁸² ternyata Allah SWT tidak merincikan bagaimana proses kejadian Adam namun sekadar menyebutnya secara sepintas lalu sahaja. Cuma pada bahagian seterusnya ayat yang sama Allah SWT menyatakan dengan jelas, selepas penciptaan fizikal Adam sudah sempurna barulah Allah SWT meniupkan ruh kepada jasad Adam. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT: "...serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan-Ku)."⁸³

Sebagai tambahan, kisah proses kejadian Nabi Adam juga ada diceritakan dalam Bible versi terjemahan bahasa Indonesia oleh Bible the Committee on Bible Translation yang diberi tajuk *Teks Alkitab Terjemahan Baru* terbitan Lembaga Alkitab Indonesia terbitan tahun 2009. Menurut

⁸⁰ *Ibid.*, 139.

⁸¹ Al-Quran, Surah al-Hijr (15): 26.

⁸² Al-Quran, Surah al-Hijr (15): 29.

⁸³ Al-Quran, Surah al-Hijr (15): 29.

Teks Alkitab Terjemahan Baru, Nabi Adam diciptakan daripada debu tanah dan nyawanya masuk ke badan melalui hembusan ke hidungnya. Berikut tujuh ayat daripada Kejadian 2.⁸⁴

2:1 Demikianlah diselesaikan langit dan bumi dan segala isinya.

2:2 Ketika Allah pada hari ketujuh telah menyelesaikan pekerjaan yang dibuat-Nya itu, berhentilah Ia pada hari ketujuh dari segala pekerjaan yang telah dibuat-Nya itu.

2:3 Lalu Allah memberkati hari ketujuh itu dan menguduskannya, karena pada hari itulah Ia berhenti dari segala pekerjaan penciptaan yang telah dibuat-Nya itu.

2:4 Demikianlah riwayat langit dan bumi pada waktu diciptakan. Ketika TUHAN Allah menjadikan bumi dan langit, —

2:5 belum ada semak apa pun di bumi, belum timbul tumbuh-tumbuhan apa pun di padang, sebab TUHAN Allah belum menurunkan hujan ke bumi, dan belum ada orang untuk mengusahakan tanah itu;

2:6 tetapi ada kabut naik ke atas dari bumi dan membasahi seluruh permukaan bumi itu —

2:7 ketika itulah TUHAN Allah membentuk manusia itu dari debu tanah dan menghembuskan nafas hidup ke dalam hidungnya; demikianlah manusia itu menjadi makhluk yang hidup.

⁸⁴ Alkitab.me, "Kejadian 2," <https://alkitab.me/in-tb/Kejadian/2/1>.

Berdasarkan ayat *Alkitab* di atas dapat difahami bahawa manusia yang dibentuk dan ditiupkan nafas hidup (ruh?) oleh "TUHAN Allah" melalui hidungnya adalah Nabi Adam. Ini dijelaskan dalam *Alkitab*, 1 Korintus 46:45: Seperti ada tertulis: "Manusia pertama, Adam menjadi makhluk yang hidup", tetapi Adam yang akhir menjadi roh yang menghidupkan.⁸⁵

Jika dibanding kenyataan daripada *Alkitab* dengan hikayat *Surat al-Anbiya* ternyata penghikayatan proses kejadian Nabi Adam dalam *Surat al-Anbiya* lebih rinci dan panjang berbanding dengan *Alkitab* yang agak ringkas meskipun *Alkitab* adalah kitab suci agama Kristian yang menerima Nabi Adam diciptakan oleh Tuhan tanpa ibu dan bapa. Secara perbandingan teks juga, kelihatan *Alkitab* lebih mirip kepada al-Quran. Perhatikan kedua-dua ayat tersebut:

Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya. Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaanKu) maka hendaklah kamu sujud kepadanya.⁸⁶

2:7 ketika itulah TUHAN Allah membentuk manusia itu dari debu tanah dan menghembuskan nafas hidup ke dalam hidungnya; demikianlah manusia itu menjadi makhluk yang hidup.⁸⁷

Berdasarkan kedua-dua ayat di atas, meskipun ia hampir mirip namun perinciannya adalah tetap berbeza. Perbezaan pertama adalah al-Quran menegaskan bahawa

⁸⁵ *Alkitab*.me, <https://alkitab.me/in-tb/1%20Korintus/15#verse-1960013>

⁸⁶ Al-Quran, Surah al-Hijr (15): 28-29.

⁸⁷ *Alkitab*.me, <https://alkitab.me/in-tb/Kejadian/2/1>.

manusia dicipta berasalkan "dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya" manakala *Alkitab* pula menyatakan manusia dibentuk "dari debu tanah". Seterusnya, al-Quran menyatakan Allah SWT berkata: "Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaanKu) maka hendaklah kamu sujud kepadanya." Manakala *Alkitab* sekadar menyebutkan "TUHAN Allah" kemudian "menghembuskan nafas hidup ke dalam hidungnya; demikianlah manusia itu menjadi makhluk yang hidup".

Rumusan

Kisah proses kejadian Nabi Adam adalah termasuk dalam kisah-kisah ghaib yang bersabit dengan ilmu akidah yang hanya boleh diketahui melalui al-Quran dan Hadith yang sahih. Namun dalam konteks sastera Melayu tradisional, atas dasar ia adalah sebuah karya kesusasteraan, disiplin tersebut tidak diterapkan. Namun dalam masa yang sama jelas terdapat unsur-unsur didaktik dalam kisah-kisah yang disampaikan. Istilah-istilah seperti "Firman Allah" atau penisbahan sesuatu riwayat kepada sahabat Nabi Muhammad SAW menjadikan kisah-kisah ini disalahfahami sebagai kisah yang sahih dan autentik dari sudut pengkisahannya. Terbukti riwayat-riwayat yang didakwa sebagai firman Allah banyak yang sebenarnya tiada asal dalam al-Quran.

Antara ciri *Qasas Qur'ani* ialah tidak merincikan kisah-kisah Nabi dan Rasul melainkan terbukti ada sumber daripada al-Quran dan Hadith, lebih daripada itu ia adalah untuk diambil 'ibrah yakni pengajaran sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah SWT di dalam Surah Yusuf (12): 111:

كَانَ مَا لِلْأَلْبَابِ لِأُولَىٰ عِبْرَةً قَصَصْنَاهُمْ فِي كِتَابٍ لَقَدْ
يَدَّبُّهُ بَيْنَ أَلْدَىٰ تَصَدِيقٌ وَلَكِنْ يُفْتَرَىٰ حَدِيثًا

يُؤْمِنُونَ لِقَوْمٍ وَّرَحْمَةً وَّهُدًى شَىْءٍ كُلِّ وَتَفْصِيلًا

Terjemahan: Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandung pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah nabi-nabi yang terkandung dalam al-Quran) ia bukanlah cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.

Rujukan

- Ab. Latif Muda, Rosmawati Ali. *Pengantar Usul Al-Hadith*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2014.
- 'Abd al-Karim Zaydan. *Al-Mustafad min Qasas al-Qur'an li al-Da'wah wa al-Du'ah*. Beirut: Risalah Publishers, 2013.
- Abdul Ghani Yahya & Umar Yusuf. *Risalah At-Tauhid*. Batu Caves: Al-Hidayah Publishing, 2022.
- Abdul Karim Zaidan. *Hikmah Kisah-kisah dalam al-Qur'an: Dari Nabi Adam – Nabi Isa a.s. Beserta Kaumnya* (al-Mustafad min Qasas al-Qur'an), terj. M. Syuaib Al-Faiz, Thoriq Abd. Aziz At-Tamimi. Jatinegara: Darus Sunnah Press, 2012.
- Abdullah Muhammad Basmeih. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Cet. ke-20, edisi Jawi. Kuala Lumpur: Darul Fikr, 2013.
- Abdullah Taib. *Asas-Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985.
- Ahmad Bahjat. *Kisah-Kisah Haiwan dalam al-Qur'an* (Qisas al-Hayawan fi al-Qur'an), terj. Sohair Abdel Moneim Sery, Zawati bt. Yusof, Ali bin L. Shaari. Putajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2001.

- Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi, Mohamad Lokman Mohd Salleh (penydsn.). *40 Hadis Sahih Kisah Ghaib & Ajaib*. Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2019.
- Akli Ahmad. *Risalah Fikriyyah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2015.
- Al-'Ashqar, 'Umar Sulayman. *Qisas al-Ghayb fi Sahih al-Hadith al-Nabawi*. 'Amman: Dar al-Nafa'is li al-Nashr wa al-Tawzi', 2007.
- Al-'Ashqar, 'Umar Sulayman. *Sahih Qasas al-Nabawi*. 'Amman: Dar al-Nafa'is li al-Nashr wa al-Tawzi', 1997.
- Al-Bakri, Zulkifli Mohamad. *Syarah Hadis 40 Imam Nawawi & Tatmin al-Kafi*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi, 2017.
- Al-Fatani, 'Abd al-Qadir ibn 'Abd al-Rahman. *Matn Umm al-Barahin dengan Terjemahan Bahasa Jawi*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia, 2017.
- Al-Hilali, Salim bin 'Ied (pentahqiq). *Kisah Shahih Para Nabi: Disarikan dari Kitab Qishashul Anbiyaa' al Hafizh Ibnu Katsir (Sahih Qasas al-Anbiya')*, terj. M. Abdul Ghoffar E.M, Jld. 1, Cet. ke-3. Kota Medan: Pustaka Imam Asy-Syafi'i, 2012.
- Ali Ahmad, Siti Hajar Che Man, Jelani Harun. *Tasawur Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2005.
- Ali Ahmad & Siti Hajar Che' Man. *Bunga Rampai Sastera Melayu Warisan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Al-Khalidi, Salah 'Abd al-Fattah. *al-Qasas al-Qur'an 'Ard wa Qa'i'a wa Tahlil Ahdathin*, Cet. ke-5. Damsyik: Dar al-Qalam, 2011.
- AlKitab, alKitab.me, <https://alkitab.me/in-tb/>.
- Al-Qathan, Manna' Khalil. *Cara Mudah Memahami al-Qur'an (Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an)*, terj. Abu Ezzat al-Mubarak & Aunur Rafiq AMK. Batu Caves: Pustaka Jiwa, 2009.

- Annas Haji Ahmad. *Sastera Melayu Lama dan Baru* (Cetakan Baru), Cet. ke-16, Edisi pertama 1964. Petaling Jaya: Syarikat Cahaya, 1982.
- Ar-Raghib al-Ashfahani. *Kamus Al-Quran: Penjelasan Lengkap Makna Kosakata Asing (Gharib) dalam al-Qur'an* (al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an), terj. Ahmad Zaini Dahlan Lc., Jld. 3. Depok: Pustaka Khazanah Fawa'id, 2017.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Ding Choo Ming & Willem van der Moleh eds. *Traces of the Ramayana and Mahabharata in Javanese and Malay Literature*, Singapore: ISEAS Publishing, 2018.
- Dundes, A. *The Story of Folklore*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall, 1965.
- Endang Soetari. *Ilmu Hadis Kajian Riwayat dan Dirayah*. Bandung: Mimbar Pustaka, 2008.
- Hamdan Hassan. *Surat al-Anbiya'*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- HAMKA. *Tafsir al-Azhar*, Jld. 2, Depok: Gema Insani, 2015.
- Hashim Musa. *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Ibn Kathir, Abi al-Fida' Isma'il. *Qasas al-Anbiya': Tab'ah Mukharrajah al-Ahadith 'ala Kutub al-'Allamah Muhammad Nasir al-Din al-Albani rahimahu'llah*. Kaherah: Dar Ibn Hazm, 2009.
- Ismail Hamid & Wahyunah Abd. Ghani. *Hikayat Para Nabi dan Tokoh-Tokoh Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.

- Ismail Hamid. *Kesusasteraan Melayu Lama dari Warisan Peradaban Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1983b.
- Ismail Hamid. *The Malay Islamic Hikayat*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1984.
- Liaw Yock Fang. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*, Cet. ke-2. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia, 2016.
- Mahayudin Haji Yahaya. *Karya Klasik Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Majlis Peperiksaan Malaysia (pylgr.). *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Mana Sikana. *Sastera Melayu Klasik: Warisan Keemasan*. Singapura: Pustaka Nasional, 2003.
- Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz. "Kisah Bible dalam Hikayat Masyarakat Melayu: Kajian Terhadap Surat Al-Anbiya". (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), 2016.
- Mohd. Taib Osman. *Kesusasteraan Melayu Lama*. Shah Alam: Federal Publication, 1974.
- Muhadir Haji Jol, *Ilmu Tauhid: Ilahiyat, Nubuwwat & Sam'iyat*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2022
- Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. *al-Mu'jam al-Mufahras li al-Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Dar al-Hadith, 2007.
- Muhammad Haji Salleh. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Mustafa Mohd Isa. *Sastera Melayu Klasik Bercorak Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, 2000.
- Nik Muhammad Syukri Nik Wan @ Masakaree Ardae, *Sifat 20: Sejarah dan Kupasan Pendekatan Akidah*. Batu Caves: PTS Publishing House, 2021.

- Norazimah Zakaria. *Kanon Melayu*. Bangi: UKM Press, 2016.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search>.
- Ricklefs, M. C. & Voorhoeve, P. *Indonesian Manuscript in Great Britain*. London: Oxford, 1977.
- Ros Aiza Mohd Mokhtar & Che Zarrina Sa'ari. "Sinkretisme dalam Adat Tradisi Masyarakat Islam". *Jurnal Usuluddin* 43 (2016): 69-90.
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria & Latifah Abdul Latif. *Malay Manuscript: An Introduction*. Kuala Lumpur: IAMM Publications, 2008.
- Rosmawati Ali @ Mat Zin. "Riwayat Isra'iliyyat: Pengaruhnya dalam Manuskrip Hadith di Alam Melayu". (Tesis Ph.D., Universiti Malaya), 2004.
- Salsabil Haji Mohd Zain. "Isra'iliyyat dalam Manuskrip Melayu: Kajian Terhadap Hikayat Mukjizat Nabi". (Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya), 2012.
- Syamsul Azizul Marinsah. "Unsur Sinkretisme dalam Uruf dan Adat Masyarakat Bajau di Sabah: Analisis dari Perspektif Hukum Islam". (Tesis Ph.D., Universiti Malaya), 2017.
- Teuku Iskandar. *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Brunei: Jabatan Kesusasteraan Melayu Universiti Brunei Darussalam, 1995.
- Wan Ali Wan Mamat. *An Introduction to Malay Manuscript*. Gombak: IIUM Press, 2014.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. *Budaya Ilmu: Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (CASIS) & Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM), 2019.
- Winstedt, R. O. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969.

Ahmad Zahiruddin et al., "Proses Penciptaan Nabi Adam dalam *Hikayat Surat Al-Anbiya*," *Afkar* Vol. 26 No. 1 (2024): 467-512

Zalila Syariaf & Jamilah Haji Ahmad (pylgr.).
Kesusasteraan Melayu Tradisional. Kuala Lumpur:
Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Ahmad Zahiruddin et al., "Proses Penciptaan Nabi Adam dalam *Hikayat Surat Al-Anbiya*," *Afkar* Vol. 26 No. 1 (2024): 467-512